

2280/1
GEOGRAFI
Kertas 1
Oktober
1 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

**TINGKATAN 5
2020**

**GEOGRAFI
Kertas 1**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1. Maklumat berikut menerangkan tentang lapisan atmosfera.

- Lapisan ini disebut sebagai lapisan ionosfera
- Penting dalam sistem telekomunikasi

Apakah lapisan tersebut?

- | | |
|--------------|---------------|
| A Troposfera | C Stratosfera |
| B Mesosfera | D Termosfera |

2. Pencapahan plat lautan akan menghasilkan bentuk muka bumi

- | | |
|--------------|---------------------------|
| A arka pulau | C gunung lipat |
| B gempa bumi | D permatang tengah lautan |

3. Foto manakah yang menunjukkan bentuk muka bumi tindakan hakisan ombak?



A



C




B



D

4. Rajah 1 menunjukkan proses pemecahan batuan.



Rajah 1

Proses yang manakah melibatkan perubahan batuan dari A ke B?

- A Proses larut resap
 - B Tindakan beku cair fros
 - C Perubahan suhu yang ekstrem
 - D Pembasahan dan pengeringan
5. Maklumat berikut merujuk kepada pergerakan jisim.


- Hujan lebat
- Kadar pergerakan sangat laju
- Air bertakung di lapisan atas tanah
- Membawa tanah dan puing-puing batu yang halus

- A Aliran lumpur
 - B Kesotan tanah
 - C Gelangsar tanah
 - D Gelongsoran tanah
6. Apakah kepentingan laut dan lautan kepada negara Malaysia?

- I Sumber protein
- II Bekalan air minuman
- III Sumber tenaga ombak
- IV Menyederhanakan suhu


- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Berdasarkan Rajah 2, apakah musim yang dialami di hemisfera utara?



Rajah 2

- A Musim sejuk
 B Musim luruh
 C Musim panas
 D Musim bunga
8. Rajah 3 menunjukkan kedudukan tiga bandar berdasarkan longitud.



Rajah 3

Kirakan waktu tempatan di Bandar S.

- A 8.30 pagi
 B 1.30 tengahari
 C 3.30 petang
 D 8.30 malam
9. Pasangan manakah yang menunjukkan julat suhu paling kecil?

	Suhu Maksimum (°C)	Suhu Minimum (°C)
A	22	20
B	24	22
C	27	26
D	30	28

10. Apakah faktor yang menyebabkan fenomena cuaca berikut berlaku?

- Hujan asid
- Pulau haba

- A Pembakaran hutan
- B Penggunaan baja kimia
- C Pembakaran bahan api fosil
- D Pembebasan gas klorofluorokarbon

11. Berikut adalah keadaan cuaca di Tanah Tinggi Cameron, Pahang.

- Suhu semakin meningkat
- Kelembapan udara menurun

Mengapakah berlaku perubahan cuaca tersebut?

- A Aktiviti ekopelancongan
- B Penggondolan kawasan hutan
- C Industri memproses hasil pertanian
- D Pembinaan empangan hidroelektrik

12. Maklumat berikut adalah kesan berkaitan dengan fenomena cuaca dan iklim.

- Peningkatan suhu bumi
- Pencairan ais di kutub
- Peningkatan aras laut

Mengapakah berlakunya kesan fenomena cuaca dan iklim tersebut?

- A Penipisan lapisan ozon
- B Kesan rumah hijau
- C Pulau haba bandar
- D Kejadian jerebu

13. Apakah peranan haiwan dalam Foto 1 dalam satu rantaian makanan?





Foto 1

- A Pengurai
- B Pengeluar
- C Pengguna primer
- D Pengguna sekunder

14. Maklumat berikut adalah ciri tumbuh-tumbuhan semulajadi.

- Berakar banir
- Lantai hutan padat

Tumbuh-tumbuhan tersebut terdapat di kawasan Peta 1 yang bertanda



Peta 1 : Peta Dunia

15. Antara berikut yang manakah kepentingan ekosistem hutan dipterokap kepada kepelbagaian biologi?

- A Mencegah hakisan tanah
- B Menjadi kawasan tadahan air
- C Menjadi habitat flora dan fauna
- D Menyederhanakan suhu setempat

16. Apakah kesan penerokaan hutan paya bakau kepada alam sekitar?

- A Berlaku tanah runtuh
- B Peningkatan aras laut
- C Kehilangan nutrien tanah
- D Hidupan akuatik terancam

17. Apakah usaha pemuliharaan yang dilakukan terhadap kawasan hutan yang telah diteroka?


- A Mewartakan taman negara
- B Melaksanakan penebangan terpilih
- C Melaksanakan penghutanan semula
- D Mengadakan kempen alam sekitar

- Dataran Kedah
- Dataran Kerian

18. Faktor utama yang menyebabkan kawasan berikut menjadi tumpuan penduduk ialah

- A bandar utama
- B kawasan pertanian
- C kawasan perindustrian
- D kawasan perlombongan

19. Apakah ciri penduduk bagi negara yang mempunyai piramid penduduk seperti dalam graf di bawah?



Piramid Penduduk


- A Jangka hayat tinggi
- B Kadar kelahiran tinggi
- C Kadar kematian rendah
- D Peratus golongan tua tinggi

20. Apakah kesan terhadap negara yang mempunyai ciri kependudukan berikut?

- Sumber terhad
- Jumlah penduduk ramai
- Tahap teknologi rendah

- A Taraf kesihatan tinggi
- B Kadar upah meningkat
- C Kadar celik huruf tinggi
- D Peluang pekerjaan terhad

21. Peta 2 di bawah menunjukkan pola pergerakan penduduk di Malaysia.



Peta 2 : Semenanjung Malaysia

Faktor utama yang menggalakkan pergerakan penduduk seperti dalam Peta 2 di atas ialah

- A kos hidup rendah
- B kemudahan asas kurang
- C pembukaan tanah rancangan
- D kemudahan peluang pendidikan

22. Apakah kesan sosial akibat kemasukan buruh asing ke Malaysia?

- A Persaingan perniagaan
- B Perebakan wabak penyakit
- C Pengaliran wang keluar negara
- D Kehilangan peluang pekerjaan

23. Fungsi bandar Port Dickson ialah

- A bandar pertahanan
- B bandar sempadan
- C bandar satelit
- D bandar diraja

24. Antara berikut manakah kesan pembandaran dari aspek sosio ekonomi Malaysia?

- I Kadar pengangguran tinggi
- II Berlaku perubahan landskap
- III Pencemaran udara meningkat
- IV Pertambahan kawasan perindustrian

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

25. Foto 2 menunjukkan pengangkutan awam di Malaysia.



Foto 2

Apakah kesan perkembangan sistem pengangkutan tersebut terhadap sesebuah bandar ?

- I Mencantikkan landskap
- II Meningkatkan taraf hidup
- III Meningkatkan mobiliti penduduk
- IV Mempercepat penghantaran maklumat

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

26. Bagaimanakah faktor fizikal menggalakkan kegiatan pertanian di Malaysia?

- A Memberi pinjaman modal
- B Jaringan pengangkutan yang baik
- C Pembinaan sistem pengairan yang cekap
- D Kawasan tanah beralun yang bersaliran baik

27. Mengapakah pantai barat Semenanjung Malaysia mempunyai jaringan pengangkutan yang lebih padat berbanding pantai timur Semenanjung Maysia?

- I Tumpuan bandar-bandar besar
 - II Tanah pamah yang luas dan rata
 - III Kos pembinaan lebih rendah
 - IV Terlindung dari tiupan angin monsun
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

28. Mengapakah bandar satelit diwujudkan di Malaysia?

- A Mengurangkan pengangguran
- B Mengurangkan kesesakan di bandar induk
- C Mengelakkan kejadian banjir kilat
- D Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam

29. Mengapakah Sungai Rajang penting untuk pengangkutan masyarakat setempat ?

- A Pengangkutan darat terhad
- B Sungai yang lebar
- C Keselamatan terjamin
- D Bandar utama terletak di tepi sungai

30. Peta 3 menunjukkan satu lokasi pelancongan.



Peta 3 : Semenanjung Malaysia

Mengapakah kawasan berlorek dalam Peta 3 sangat sesuai untuk aktiviti agropelancongan?

- A Bebas daripada sebarang pencemaran
- B Tenaga buruh yang ramai
- C Jaringan pengangkutan yang baik
- D Kawasan berhawa sederhana

31. Apakah kesan pembinaan jalan raya di kawasan tanah tinggi di Malaysia ?

- I Peningkatan suhu setempat
- II Habitat fauna terjejas
- III Kejadian jerebu
- IV Banjir kilat

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

32. Apakah kesan utama penggunaan tenaga pakar luar negara dalam pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) terhadap Malaysia ?

- A Pemindahan teknologi
- B Pengaliran masuk wang asing
- C Meningkatkan mobiliti penduduk
- D Meningkatkan peluang pekerjaan

33. Mengapakah negara Arab Saudi melaksanakan penyahgaraman air laut?

- A Bekalan air laut yang banyak
- B Menampung keperluan domestik
- C Bekalan air untuk pertanian
- D Dieksport ke luar negara

34. Bagaimanakah Malaysia dapat mengurangkan kemasukan buruh asing tanpa menjejaskan perkembangan ekonomi negara ?


- A Meluaskan kawasan pertanian
- B Meningkatkan aktiviti pelancongan
- C Memperbanyak sektor perkilangan
- D Memaksimumkan penggunaan teknologi moden

35. Mengapakah pentingnya pengurusan sumber dilaksanakan ?

- I Memperoleh sumber alternatif
- II Menjamin bekalan sumber berterusan
- III Mengekalkan keseimbangan ekosistem
- IV Menambah pendapatan negara

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

36. Peta 4 menunjukkan lokasi sumber mineral di Malaysia.



Peta 4 : Malaysia

Antara berikut, yang manakah menerangkan kepentingan penerokaan sumber mineral di kawasan berlorek dalam Peta 4?

- I Kewujudan bandar baharu
- II Pertambahan peluang pekerjaan
- III Pembinaan pelabuhan kontena
- IV Menjadi kawasan tumpuan pelancong

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37. Berikut adalah bandar-bandar di Semenanjung Malaysia

- Seremban
- Kuala Lumpur
- Ipoh

Apakah faktor kewujudan bandar-bandar tersebut?

- A Pusat pentadbiran negeri
- B Lembah sungai yang subur
- C Kawasan perlombongan bijih timah
- D Kawasan penanaman kelapa sawit

38. Mengapakah penggunaan pukut tunda di kawasan pinggir pantai tidak dibenarkan ?

- A Menghalang laluan kapal
- B Mengelakkan kepupusan hidupan marin
- C Mengurangkan kejadian hakisan pantai
- D Mengelakkan kemusnahan pokok bakau

39. Foto 3 menunjukkan aktiviti penerokaan sumber di Malaysia.



Foto 3

Apakah barangan yang boleh dihasilkan daripada penerokaan sumber tersebut?

- I Bahan penurap jalan raya
- II Bahan mentah getah tiruan
- III Bahan mentah industri piuter
- IV Bahan menyadur tin makanan

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

40. Mengapakah kerjasama ekonomi antarabangsa penting kepada Malaysia ?

- I Kemasukan buruh asing
- II Pemindahan teknologi
- III Peningkatan pelaburan asing
- IV Meningkatkan harga barangan import

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT